



LAPORAN  
TAHUNAN | **2015**

# PRAKATA



**Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,**

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah dengan jayanya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2015.

Laporan Tahunan ini memberi gambaran keseluruhan gerak kerja dan pencapaian JAS WPKL yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 berdasarkan kepada mandat yang diberikan untuk mentadbir Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Disepanjang tahun 2015, JAS WPKL terus memberi tumpuan kepada kerja-kerja penguatkuasaan dan pemeriksaan yang lebih kerap dan terancang ke atas premis-premis industri telah dilakukan bagi memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Dari 795 pemeriksaan yang telah dijalankan, sebanyak 95.0 % bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, 96.7% pematuhan keseluruhan bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan pematuhan sebanyak 96.3% bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Dari 1630 premis yang diperiksa, sebanyak 74.8 % premis menunjukkan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Selain daripada itu JAS WPKL juga terus terlibat aktif dalam memberi ulasan dan pemantauan kepada projek-projek pembangunan serta pematuhan syarat-syarat kelulusan EIA terus dipertingkatkan. Ini bagi memastikan ramalan impak dan langkah kawalan yang dicadangkan dalam laporan EIA tersebut adalah praktikal dan berkesan untuk dilaksanakan dalam mengurangkan kesan kepada alam sekeliling di peringkat kerja tanah, pembinaan dan operasi projek tersebut.

JAS WPKL juga turut mempertingkatkan pelaksanaan program/aktiviti pendidikan, kesedaran dan sebaran maklumat alam sekitar melalui media massa dipelbagai peringkat masyarakat sebagai usaha berterusan dalam membangunkan masyarakat yang mempunyai bertanggungjawab bersama terhadap pemuliharaan alam sekitar. Program dan aktiviti melalui amalan mesra alam hendaklah dijadikan sebahagian daripada aktiviti seharian kita dan diterapkan oleh setiap individu, keluarga, komuniti dan masyarakat.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada semua pihak terutamanya agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, pihak industri, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan profesional, pertubuhan sukarela dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada JAS WPKL dalam memastikan kualiti alam sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berada pada tahap baik dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat. Saya berharap agar komitmen dan kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa-masa akan datang untuk mengekalkan persekitaran yang bersih, sihat dan selamat bagi generasi masa kini dan akan datang.

**‘Pemuliharaan Alam Sekitar; Tanggungjawab Bersama’**

**NORLIN BINTI JAAFAR**

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**JAWATAN KUASA PENERBITAN  
LAPORAN TAHUNAN  
JABATAN ALAM SEKITAR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2015**

**Penaung**

Puan Norlin Binti Jaafar

**Penasihat**

Puan Hajah Halimah Binti Taib

Encik Mohd Yunos Bin Rais

**Ketua Editor**

Puan Salkiah Binti Mohamad Salleh Tan

**Editor**

Puan Mashita Binti Kassim

Puan Hasnita Binti Mansor

Puan Mastawa Binti Zainuddin

Encik Nasrum Bin Zubir

Cik Nor Faizah Binti Baharuddin

Puan Nur Syahirah Binti M Zamani

Encik Ahmad Azri Bin Alias

Puan Roslina Binti Abdul Rahim

Encik Mohd Shafiq Aizad Bin Hj Mohd Saad

Puan Nor Hasidawati Binti Hamid

**Urusetia**

Encik Rahmat Shah Bin Mohd Sharif

Puan Nor Hasidawati Binti Hamid

# ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
<b>PRAKATA</b>	<b>1</b>
<b>JAWATAN KUASA PENERBITAN</b>	<b>3</b>
<b>BAB 1</b>	<b>6</b>
<b>A. BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN</b>	
▪ Struktur Organisasi	
▪ Perjawatan	
▪ Peruntukan Kewangan	
▪ Pungutan Hasil	
▪ Carta Organisasi JASWPKL sehingga Disember 2015	
<b>B. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>	
▪ SISTEM ATAS TALIAN (ONLINE SERVICES)	
○ Penambahbaikan Sistem E-KAS kepada versi E-KAS 4.0	
▪ ENVIRO MUSEUM	
○ Kelengkapan ICT	
<b>BAB 2</b>	<b>14</b>
<b>A. BAHAGIAN OPERASI</b>	
<b>B. PUNCA TETAP DAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN</b>	
<b>C. UNIT KENDERAAN BERMOTOR</b>	
<b>D. KAWALAN PELEPASAN ASAP DARIPADA KENDERAAN DIESEL</b>	
▪ Operasi Statik	
▪ Operasi Bersepadu	
▪ Operasi Catat	
<b>E. KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)</b>	
<b>F. KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)</b>	
<b>G. KAWALAN PELEPASAN ASAP DI HENTIAN BAS AWAM</b>	
<b>H. KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN</b>	
<b>I. KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN PETROL</b>	
<b>J. KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL</b>	
<b>K. KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTOSIKAL</b>	
<b>L. UNIT ADUAN</b>	
<b>M. RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN</b>	
<b>N. UNIT PENDAKWAAN</b>	
<b>O. TINDAKAN MAHKAMAH</b>	

- A. BAHAGIAN PEMBANGUNAN**
- B. UNIT PENILAIAN EIA**
  - **Pemprosesan Laporan EIA**
  - **Penguatkuasaan EIA**
- C. UNIT PENILAIAN AWAL TAPAK DAN NOTIFIKASI BERTULIS (PAT/ NB)**
  - **Penilaian Awal Tapak (PAT)**
  - **Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009**
  - **Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014**
- D. PENGAWASAN**
  - **Status Kualiti Alam Sekeliling**
  - **Kualiti Air Sungai**
  - **Kualiti Air Tanah**
  - **Kualiti Udara**
  - **Geographical Information System (GIS)**
  - **Program River of Life (ROL)**
  - **Pengurusan Aset dan Stor Teknikal**
- E. UNIT PEMBANGUNAN 2**
  - **Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar**
  - **Program Rakan Alam Sekitar (RAS)**
  - **Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)**
  - **Pembangunan Sumber Manusia**
- F. GALERI AKTIVITI & PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR DI JAS WPKL SEPANJANG 2015**
- G. PROGRAM PENGUATKUASAAN DI TAPAK PEMBINAAN BUKAN EIA**
  - **Pengurusan Buangan Terjadual Dalam Industri Pembinaan**



**BAB**

**1 BAHAGIAN  
PENTADBIRAN  
DAN KEWANGAN**

## BAB 1

### BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

#### Struktur Organisasi

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2012, JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 23 dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di mana bilangan perjawatan mengikut waran perjawatan adalah 83 perjawatan dan pengisian semasa untuk JAS WPKL adalah 80 perjawatan. Struktur bahagian-bahagian terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran/Kewangan & Teknologi Maklumat. Carta Organisasi adalah seperti di **Rajah 1.0**.

#### Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2015, JAS WPKL telah mempunyai 80 anggota mengikut Surat Pemberitahuan Waran Bil. 27 melalui Waran Perjawatan Bil. E.66 Tahun 2014. Pecahan jawatan adalah seperti di **Jadual 1.0**.

**Jadual 1.0 Perjawatan Jabatan Alam Sekitar  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kakitangan
1	Pengarah (Pegawai Kawalan Alam Sekitar)	C54	1
2	Ketua Penolong Pengarah (Pegawai Kawalan Alam Sekitar)	C52/C48	2
3	Pegawai Kawalan Kanan	C44	3
4	Pegawai Kawalan	C44/C41	6
5	Pen. Pegawai Kawalan Tinggi	C38	2
6	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	C32	11
7	Pen. Pegawai Kawalan	C32/C27	15



8	Penolong Jurutera	J29	<b>22</b>
9	Juruteknik Kanan	J22	<b>1</b>
10	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	<b>1</b>
11	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	F29	<b>1</b>
12	Setiausaha Pejabat	N27	<b>1</b>
13	Pembantu Akauntan	W17	<b>2</b>
14	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	<b>4</b>
15	Pembantu Am Pejabat	N4	<b>1</b>
16	Pemandu	H11/R3	<b>7</b>
	<b>Jumlah</b>		<b>80</b>
	Jumlah Perjawatan		<b>80</b>

### Peruntukan Kewangan

Bagi tahun 2015, sebanyak RM 4,442,908.00 peruntukan telah diterima daripada Ibu Pejabat untuk Belanja Mengurus dan RM 40,000.00 bagi program Pendidikan & Penilaian Alam Sekitar iaitu Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P). Manakala peruntukan bagi Pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM 5,000.00 bagi Program *Geographical Information System* (GIS).


### Pungutan Hasil

Kutipan hasil telah dibuat oleh JAS WPKL sebanyak RM 163,544.57 (menurun peratusan) pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 192,572.60. Pecahan kutipan hasil 2015 adalah seperti **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1 : Pungutan Hasil Mengikut Aktiviti Bagi Tahun 2015**

	<b>Aktiviti</b>	<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>
10000	Emolumen dan bayaran kuarters	16,115.57
76199	Kompaun	91,650.00
71408	Bayaran proses permohonan	55,489.00
73999	Jualan-jualan lain	290.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>163,544.57</b>

**CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SEHINGGA**



## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di JAS WPKL.

### SISTEM ATAS TALIAN (*ONLINE SERVICES*)

Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunakan oleh Jabatan dan pihak industri bagi memudahkan kerja-kerja seharian. Antaranya ialah :

**Perkhidmatan Pembayaran Kampaun Jabatan Alam Sekitar**

Perkhidmatan ini hanya untuk kesalahan tanpa rayuan. Untuk kes-kes rayuan, perlu hadir ke pejabat JAS di mana kampaun tersebut dikeluarkan. Jika rayuan dan bayaran kampaun masih hanya boleh dibayar di pejabat JAS sahaja.

- Bagi pengguna yang mempunyai akaun CIMB. [Sila log masuk ke laman web CIMB.](#)
- Bagi pengguna tanpa akaun CIMB tetapi mempunyai salah satu akaun seperti berikut: Bank Islam, Hong Leong Bank, Maybank, Public Bank dan RHB Bank. [log masuk ke laman berikut \[E – Payment\].](#)
- Sila rujuk [manual / cara pembayaran.](#)

Akta & Peraturan	Denda Maks
Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Seksyen 29A – Larangan Atas Pembakaran Terbuka	RM 2,000.00
Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978	RM 2,000.00
Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996	RM 2,000.00
Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996	RM 2,000.00
Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 2005	RM 2,000.00

[Tweet](#)

**Klasifikasi Kenderaan**

#### Rajah 1.1 : Perkhidmatan Pembayaran Kampaun JAS

- Perkhidmatan ini disediakan bagi memudahkan dan menjimatkan masa pengguna untuk membayar kampaun atas talian.
- Bagi kes-kes rayuan, perlu hadir ke pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) di mana kampaun tersebut dikeluarkan. Jika rayuan diterima, bayaran kampaun masih hanya boleh dibayar di pejabat JAS sahaja.

Laman web ini boleh diakses seperti di link yang dinyatakan di bawah :

<http://www.doe.gov.my/portalv1/perkhidmatan-pembayaran-kampaun-jabatan-alam-sekitar>



## Penambahbaikan Sistem E-KAS kepada versi E-KAS 4.0

- Pihak Bahagian Teknologi Maklumat, JAS sedang membangunkan versi sistem E-KAS yang baru iaitu E-KAS 4.0 di mana sistem ini ditambahbaik pada paparan antaramuka dan ciri-ciri tambahan bagi memudahkan lagi penggunaan sistem ini.
- Sistem ini juga hanya menggunakan *centralized SERVER* dari JAS Ibu Pejabat dan tidak lagi menggunakan server dari Jabatan Alam Sekitar Negeri.

## ENVIRO MUSEUM

The screenshot displays the Enviro Museum website interface. The header includes the logo for 'Enviro-Museum' (Enviro Knowledge Management Centre) and navigation links for 'EXPLORE COLLECTIONS', 'GALLERY', 'ABOUT', and 'CONTACT'. A search bar is located on the left side. The main content area is a grid of image-based entries, each with a title, year, and category. The entries include:

- PERALATAN TEKNIKAL PENGAWASAN UDARA** (Year: 1991, Category: Peralatan Teknikal)
- PAMERAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSE...** (Year: 2000, Category: Aktiviti & Bengkel)
- KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR SIRI KE-2 TAHUN 1997** (Year: 1997, Category: Aktiviti & Bengkel)
- KENDERAAN PAJERO JAS WPKL** (Year: 1997-2014, Category: Infrastruktur JAS)
- KENDERAAN JAS WPKL** (Year: 1996, Category: Infrastruktur JAS)
- LAWATAN TANDA ARAS (BENCHMARK) JAWATANKUASA E...** (Year: 2015, Category: Aktiviti & Bengkel)
- MAJLIS BERSAMA MEDIA DAN SESI MENANDATANGANI ...** (Event Year: 2015, Program: Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM))
- MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA 2013** (Event Year: 2013, Program: Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM))

A 'TOP' button is visible in the bottom right corner of the gallery area.

- Merupakan satu sistem perkongsian gambar dan sejarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan mengimbuai semula memori lama.
- Projek *Enviro Museum* ini dijangkakan siap pada Disember 2015 dan telah dilancarkan pada bulan Januari 2016.

## Kelengkapan ICT

Unit Teknologi Maklumat telah menerima komputer *desktop* sebanyak dua (2) unit, *Laser Printer* sebanyak dua (2) unit, *Canon Color Printer* sebanyak satu (1) unit, *PC Tablet Panasonic FZ-G1* sebanyak empat (4) unit, *Handheld Thermal Printer (Woosim)* sebanyak lima (5) unit dan satu (1) unit *Samsung Galaxy Tab* untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JAS WPKL.

Secara keseluruhannya, kesemua pegawai dan kakitangan di JAS WPKL telah menerima kelengkapan tersebut bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas masing-masing dengan lebih cekap dan berkesan.



**BAB**

**2 BAHAGIAN  
OPERASI**

## BAB 2

### BAHAGIAN OPERASI


#### PUNCA TETAP DAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN

Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya merupakan fokus utama program penguatkuasaan yang dilaksanakan setiap tahun. Program penguatkuasaan yang dilaksanakan pada tahun 2015 memberi tumpuan kepada premis-premis di bawah *Program River Of Life (ROL)*, premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) yang bermasalah dan loji-loji pengolahan kumbahan.

Hasil penguatkuasaan dan pemantauan berterusan serta tindakan tegas Jabatan sepanjang tahun 2015, beberapa premis yang mempunyai sistem pengolahan efluen perindustrian dan loji pengolahan kumbahan yang bermasalah telah berupaya meningkatkan kecekapan sistem pengolahan masing-masing. Pelepasan efluen dan kumbahan yang diolah telah dapat mematuhi had pelepasan yang ditetapkan untuk Standard B, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 795 pemeriksaan telah dijalankan terhadap premis-premis perindustrian, loji-loji pengolahan kumbahan iaitu Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan swasta serta lain-lain premis. Peratusan pematuhan yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya adalah seperti berikut:

- i. 95.0% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- ii. 96.7% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan
- iii. 96.3% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.



**Rajah 2.0 : Peratus Pematuhan Program Penguatkuasaan Punca Tetap Dan Loji Kumbahan, Tahun 2015**

## UNIT KENDERAAN BERMOTOR

### KAWALAN PELEPASAN ASAP DARIPADA KENDERAAN DIESEL


Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut :

- i. Operasi Statik.
- ii. Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan).
- iii. Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*).
- iv. Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam.
- v. Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).


#### Operasi Statik

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 110 operasi penguatkuasaan secara statik telah dijalankan di beberapa lokasi seperti di Plaza Tol Sungai Besi, Plaza Tol Jalan Duta, Plaza Tol DUKE dan lokasi-lokasi strategik lain sekitar Kuala Lumpur. Hasil operasi tersebut, sejumlah 10,075 buah kenderaan dilakukan pemerhatian diesel dan 939 buah kenderaan berenjin telah diperiksa secara visual di mana 49 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap seperti yang ditunjukkan di **Rajah 2.1** - Tindakan Penguatkuasaan Yang Diambil Ke Atas Kenderaan Berenjin Diesel, Tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 13 buah kenderaan telah dikeluarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap hitam melebihi 50 HSU (*Hartridge Smoke Unit*) dan 32 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang DiLuluskan. Jenis kenderaan yang telah dikeluarkan kompaun adalah lori (10 buah), dan diikuti oleh lori kecil (3 buah), seperti yang ditunjukkan di **Rajah 2.2**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah sebanyak 99.8%.




**Rajah 2.1 : Tindakan Penguatkuasaan Yang Diambil Ke Atas Kenderaan Berenjin Diesel, Tahun 2015**



**Rajah 2.2 : Bilangan Kompaun Asap Hitam Mengikut Jenis Kenderaan, Tahun 2015**

## Operasi Bersepadu

JAS WPKL juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2015, JAS WPKL telah menjalankan 69 operasi bersama DBKL dan Perbadanan Putrajaya, sementara dua (2) operasi telah dijalankan bersama PDRM dan JPJ.



**Rajah 2.3 : Operasi Bersepadu JAS WPKL**

## Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan pusat bandar, Operasi Catat menggunakan video kamera juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai Peronda JAS WPKL telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar Bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan. Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 10 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan Yang DiLuluskan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 640 operasi catat telah dijalankan. Sebanyak 65,462 buah kenderaan diesel telah diperhatikan

dan daripada jumlah itu, 102 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Proses kerja adalah seperti **Rajah 2.4**.



**Rajah 2.4 : Operasi Catat JAS WPKL**

### **KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (*FLEET OPERATOR*)**

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak JPJ. Sejumlah 70 pemeriksaan telah dijalankan ke atas 38 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tiada Notis Arahan dikeluarkan atau kompaun ditawarkan ke atas Pengendali Berkumpulan pada tahun 2015. Pemeriksaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca.

### **KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)**


Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL). KYDL adalah suatu

tempat yang diluluskan oleh JAS yang dilengkapi dengan meter asap yang telah diluluskan dan dikendalikan oleh kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) adalah KYDL yang diluluskan oleh JAS WPKL untuk menjalankan ujian kenderaan. Sebanyak 12 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2015 ke atas KYDL ini sebagai langkah untuk memastikan prosedur uji semula dijalankan mengikut tatacara yang telah digariskan.



**Rajah 2.5 : Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer di WPKL**


Pada tahun 2015, sebanyak 319 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Daripada bilangan yang diuji semula, sebanyak 260 buah kenderaan telah lulus dan 62 buah kenderaan pula telah gagal. 62 kenderaan yang gagal ujian tersebut telah datang semula untuk ujian ulangan dan lulus. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM di hadapan pegawai-pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.



Rajah 2.6 : Kenderaan Hadir Ujian Semula di PUSPAKOM

## KAWALAN PELEPASAN ASAP DI HENTIAN BAS AWAM

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas enam (6) buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Putra, Hentian Duta, Hentian Puduraya, Hentian Pekeliling dan Hentian KL Sentral. Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 34 pemeriksaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 484 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2015, tiada kompaun dikeluarkan oleh JAS WPKL.




Rajah 2.7 : Pemeriksaan Stesen Terminal Bas

## KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Sebanyak 41 buah Pusat Servis Penghawa Dingin Kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran daripada sistem penyejukan (*aircond*) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan *Refrigerant Identifier* sepanjang tahun 2015 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Kesemua Pusat Servis Penghawa Dingin yang disiasat telah mematuhi peraturan berkenaan.

## KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN PETROL

Sebanyak 80 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Melalui operasi tersebut sejumlah 587 buah kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Sebanyak 24 buah daripada kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan 13 kenderaan telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut. Perbandingan status pematuhan pelepasan gas CO/HC pada tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Rajah 2.8**. Kesemua 24 pemilik kenderaan yang gagal ujian pelepasan gas ini telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling supaya hadir ujian semula pelepasan gas di mana-mana JAS Negeri.




Rajah 2.8 : Status Pematuhan Pelepasan Gas CO/HC Daripada Kenderaan Berenjin Petrol, 2013 - 2015

## KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama PDRM dan JPJ.


Sepanjang tahun 2015, sebanyak 51 operasi penguatkuasaan telah dijalankan samada secara statik ataupun secara bersepadu bersama PDRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Sebanyak 2,804 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan paras bunyi maksimum dan sebanyak 103 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan ujian bunyi bising. Dari jumlah tersebut 65 buah motosikal didapati gagal mematuhi piawaian yang ditetapkan dan sebanyak 21 buah motosikal telah dikenakan kompaun atas kesalahan tersebut. Sebanyak 40 pemilik motosikal juga telah diberikan surat arahan untuk ujian semula bunyi bising. Perbandingan status tindakan ke atas bunyi bising kenderaan motor pada tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Rajah 2.9**.



**Rajah 2.9 : Status Tindakan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal, 2013 - 2015**

### KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTOSIKAL

Pada tahun 2015, sebanyak 82 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas Motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sebanyak 1,606 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas bagi motosikal yang sedang digunakan. Daripada jumlah tersebut didapati sembilan (9) buah motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak tujuh (7) kompaun dan sembilan (9) Surat Arahan dikeluarkan kepada pemilik motorsikal yang gagal mematuhi had. Perbandingan status tindakan ke atas pelepasan gas CO daripada motosikal pada tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Rajah 2.10**.




**Rajah 2.10 : Status Tindakan Terhadap Pelepasan Gas CO Daripada Motosikal, 2013 - 2015**

## ADUAN

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 353 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 401 kes yang diterima pada tahun 2014 iaitu pengurangan penerimaan aduan sebanyak 48 kes atau 11.97%.

Statistik aduan yang telah diterima oleh JAS WPKL sejak tahun 2000 menunjukkan bahawa bilangan aduan yang diterima tertinggi pada tahun tersebut dengan catatan 521 aduan. Aduan diterima pengadu melalui talian telefon *hotline*, saluran internet, ataupun datang ke pejabat. Statistik aduan tersebut boleh dirujuk pada **Rajah 2.11** – Statistik aduan yang diterima JAS WPKL sejak tahun 2010 sehingga tahun 2015.




**Rajah 2.11 : Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2010 Sehingga Tahun 2015.**

Pecahan jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2015 pula, pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 308 kes (87.25 %), ini diikuti dengan kes pencemaran bunyi bising dan kes pencemaran air di kedudukan yang sama iaitu sebanyak 14 kes (3.97 %) setiap satu, kes pencemaran lain-lain yang dikategorikan sebagai aduan umum sebanyak 10 kes (2.83 %), kes pencemaran buangan terjadual sebanyak lima (5) kes (1.42 %) dan kes pencemaran gegaran sebanyak dua (2) kes (0.57 %). Pecahan bilangan aduan mengikut jenis aduan adalah seperti di dalam **Rajah 2.12** – Bilangan jenis aduan yang diterima JAS WPKL dari 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015.

Merujuk kepada jumlah bilangan aduan yang diterima sepanjang tahun 2015, jumlah bilangan 353 aduan yang diterima JAS WPKL, sebanyak 233 aduan yang telah diterima dan disiasat adalah tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebanyak 64 adalah tidak berasas, dan 20 lokasi yang tidak dapat dikesan manakala sebanyak 36 aduan berada di luar bidangkuasa.

Bagi aduan yang terletak di luar bidangkuasa, Jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada jabatan yang berkaitan atau pihak yang mempunyai bidangkuasa bagi membantu menyelesaikan aduan yang telah diterima.



**Rajah 2.12 : Bilangan Jenis Aduan Yang Diterima JAS WPKL Dari 1 Januari 2015 Sehingga 31 Disember 2015.**

## RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN

Sebanyak 365 rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Rondaan juga dilakukan ke kawasan yang kerap aduan diterima supaya pemantauan dapat dilakukan di kawasan-kawasan yang sering diadu.



## PENDAKWAAN

### Tindakan Mahkamah

Bagi tahun 2015, JAS WPKL telah menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 22(1), Seksyen 25(1), Seksyen 31(1), Seksyen 37(1) dan Seksyen 41, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sebanyak 33 kes telah dikenakan tindakan di Mahkamah Sesyen, Jalan Duta Kuala Lumpur bagi kesalahan-kesalahan berikut.

Kesalahan yang telah didakwa di bawah Seksyen 22(1) adalah kesalahan terhadap pelepasan pencemaran daripada enjin petrol kenderaan dan motosikal serta pelepasan pencemaran daripada enjin diesel kenderaan. Bilangan kes bagi pelepasan pencemaran daripada enjin petrol adalah sebanyak 18 kes. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) kes daripadanya telah selesai didakwa dengan jumlah kutipan denda sebanyak RM 3,900.00. 13 kes lagi telah mengemukakan representasi kes (DNA) dan telah membayar kompaun dengan jumlah bayaran kompaun sebanyak RM 3,500.00. Manakala dua (2) kes telah di DNAA kerana saman tidak dapat disempurnakan. Bilangan kes bagi kesalahan pelepasan pencemaran daripada enjin diesel pula ialah sebanyak lapan (8) kes. Empat (4) kes daripadanya telah selesai didakwa dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 48,700.00. Dua (2) kes daripadanya pula telah mengemukakan representasi kes (DNA) dan telah membayar kompaun dengan jumlah bayaran kompaun adalah sebanyak RM 4,000.00, manakala dua (2) kes lagi telah di DNAA kerana saman tidak dapat disempurnakan.


Kesalahan yang telah didakwa di bawah Seksyen 25(1) pula adalah kesalahan melepaskan efluen perindustrian melebihi had yang telah ditetapkan. Daripada empat (4) kes pendakwaan, sebanyak tiga (3) kes telahpun selesai didakwa dan dijatuhkan hukuman denda oleh mahkamah dengan jumlah denda sebanyak RM 110,000.00. Manakala satu (1) kes lagi telahpun selesai didakwa dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 140,000.00 dan satu (1) bulan penjara.

Terdapat satu (1) kes pendakwaan yang telah dijalankan bagi kesalahan di bawah Seksyen 31(1) dan Seksyen 37(1) masing-masing dan kes tersebut telah di DNAA bagi kesalahan yang telah didakwa di bawah Seksyen 41, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pula, sebanyak satu (1) kes telah selesai didakwa dan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 36,000.00. Jumlah kutipan keseluruhan untuk kes pendakwaan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM 346,100.00.

Jadual 2.0 : Bilangan Kes Bagi Tindakan Pendakwaan Di Mahkamah, JAS WPKL Tahun 2015

JENIS KESALAHAN	BILANGAN KES	DENDA (RM)
<b>Seksyen 22(1)</b>	<u>26</u>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelepasan pencemaran daripada enjin petrol kenderaan &amp; motosikal</li> <li>▪ Pelepasan pencemaran daripada enjin diesel</li> </ul>	18	3 KES (PG) HUKUM DENDA = RM 3,900.00 13 KES (DNA) BAYAR KOMPAUN = RM 3,500.00 2 KES DNAA
<b>Seksyen 25(1)</b>	<u>4</u>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelepasan efluen perindustrian melebihi standard B</li> </ul>	8	4 KES (PG) HUKUM DENDA = RM 48,700.00 2 KES (DNA) BAYAR KOMPAUN = RM 4,000.00 2 KES DNAA
<b>Seksyen 31(1)</b>	<u>1</u>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Gagal mematuhi Notis Arahan</li> </ul>	4	3 KES (PG) HUKUM DENDA = RM 110,000.00 1 KES (PG) HUKUM DENDA = RM140,000.00 DAN 1 BULAN PENJARA
<b>Seksyen 37(1)</b>	<u>1</u>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Gagal mematuhi Notis Arahan</li> </ul>	1	KES DNAA
<b>Seksyen 41</b>	<u>1</u>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelepasan larut resapan melebihi had yang ditetapkan</li> </ul>	1	KES DNAA
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>1 KES (PG) HUKUM DENDA = RM 36,000.00</b>
		<b>RM 346,100.00</b>

Nota: DNAA - Dilepaskan tanpa dibeaskan. PG - Mengaku salah DNA - Dilepas dan dibeaskan



Rajah 2.13 : Kes-Kes Mahkamah JAS WPKL Tahun 2015



BAH

3 BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN

## BAB 3

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN


#### UNIT PENILAIAN EIA

##### Pemprosesan Laporan EIA

Pada tahun 2015, JAS WPKL telah memproses dua (2) permohonan perubahan konsep bagi Laporan Awal EIA dan diluluskan dengan perubahan syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang baru.


##### Penguatkuasaan EIA

Sebanyak 57 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 12 projek EIA yang dipantau bagi tahun 2015 yang melibatkan projek di peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut adalah sebanyak 57 *field citation*, 17 Notis Arahan dan satu (1) Kes Mahkamah dikenakan bagi tahun 2015 seperti di **Rajah 3.0**.



**Rajah 3.0 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.**

**Gambar 3(a) : Lawatan Tapak Untuk Projek Mass Rapid Transit (MRT)**





**Gambar 3(b) : Projek Pembinaan Jajaran Lebuhraya DUKE**




## UNIT PENILAIAN AWAL TAPAK DAN NOTIFIKASI BERTULIS (PAT/NB)

### Penilaian Awal Tapak (PAT)

Penilaian Awal Tapak (PAT) di JAS WPKL berfungsi untuk membantu dan memberikan khidmat nasihat berkaitan kesesuaian sesuatu projek pembangunan sebelum pelaksanaan. Tujuan ulasan PAT ini adalah bagi memastikan sesuatu permohonan projek di atas tapak yang dipohon bersesuaian dengan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta selari dengan garis panduan penempatan yang telah dikeluarkan oleh JAS keluaran Oktober 2012 *“Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Area”*.

Perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada pelbagai agensi seperti pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan serta pihak swasta seperti pelabur, industri dan orang awam. Kesesuaian tapak merupakan elemen penting bagi memastikan setiap pembangunan tidak menjejaskan kesejahteraan, keharmonian dan kebersihan alam sekitar di samping memberikan keselesaan dan menjamin hak-hak asasi pelbagai pihak. Pada tahun 2015, sejumlah 103 permohonan telah diterima daripada pelbagai agensi. Pada keseluruhannya permohonan PAT yang diterima oleh JAS WPKL adalah daripada jenis pembinaan kilang, pembinaan sementara premis pembancuh konkrit, perumahan, projek-projek tertakluk penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (EIA) dan penempatan di kawasan premis sedia ada.

Bagi tahun 2015, status bilangan kes permohonan PAT yang diterima bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah seperti di **Rajah 3.1**.



**Rajah 3.1 : Status Permohonan PAT Sepanjang Tahun 2015 Mengikut Jenis Permohonan**



**Gambar 3(c) : Premis Pembancuh Konkrit Sementara**



**Gambar 3(d) : Tapak bagi pembangunan bercampur**



**Gambar 3(e) : Lawatan Tapak bagi semakan zon penampian di lokasi cadangan projek jenis pembangunan bercampur**



**Gambar 3(f) : Lawatan Tapak bagi semakan zon penampian di lokasi cadangan projek EIA**




**Gambar 3(g) : Lawatan Tapak bagi jenis permohonan PAT di tapak bangunan sedia ada**

### **Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009**

Pemberitahuan Bertulis bagi Sistem Pengolahan Efluen Industri kepada JAS adalah perlu dibuat oleh pihak premis sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009. Pemberitahuan Bertulis tersebut adalah memastikan cadangan pembinaan baharu atau peningkatan rekabentuk sistem pengolahan efluen perindustrian (IETS) adalah bersesuaian dengan parameter efluen yang hendak diolah serta mampu mengolah dengan cekap dan berkesan.

Ulasan atau maklumbalas pemberitahuan bertulis yang dikemukakan adalah mengambil kira seperti jenis teknologi yang digunakan adalah perlu bersesuaian dengan ciri efluen yang dihasilkan daripada proses pengeluaran, spesifikasi rekabentuk dan pemantauan prestasi sistem yang dicadangkan.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sepanjang tahun 2015, sebanyak 11 Pemberitahuan Bertulis adalah bagi Loji Pengolah efluen dan empat (4) bagi Loji Kumbahan diproses. **Rajah 3.2** menunjukkan peratusan bilangan Pemberitahuan bertulis yang diterima bagi Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009.



**Rajah 3.2 : Jenis Pemberitahuan Bertulis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2015**



**Gambar 3(h) : Loji Rawatan Efluen Perindustrian di Pasar Borong**




**Gambar 3(i) : Loji Rawatan Efluen Perindustrian bagi Cooling System**

## Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014

Pemberitahuan Bertulis bagi Cerobong Alat Kawalan Pencemaran Udara dan Alat Pembakaran Bahanapi serta Cerobong daripada premis mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Pemberitahuan Bertulis ini hendaklah dikemukakan oleh pihak premis atau industri dalam tempoh 30 hari sebelum pemasangan alat kawalan di tapak atau premis. Pemberitahuan Bertulis ini adalah perlu dikemukakan oleh pihak premis atau industri ke JAS WPKL bagi memastikan cadangan pembinaan baru atau peningkatan rekabentuk sistem adalah mematuhi takat pematuhan udara bersih sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014 .

Rekabentuk sistem alat kawalan pencemaran udara berkenaan perlulah bersesuaian dengan jenis pencemar serta berfungsi dengan berkesan dan pihak premis dan industri perlu memastikan alat kawalan pencemaran tersebut dikendalikan oleh orang yang beribawa. Pada tahun 2015, sebanyak 45 permohonan alat kawalan pencemaran udara telah dikemukakan ke JAS WPKL. **Rajah 3.3** menunjukkan Pemberitahuan Bertulis yang telah dikemukakan mengikut jenis alat kawalan pencemaran udara.

Manakala bagi Pemberitahuan Bertulis Alat Pembakaran Bahanapi pula perlu memberi penekanan dalam rekabentuk sistem dari segi keupayaan mengawal tahap maksima bagi pencemaran yang dihasilkan dari proses pembakaran bahanapi seperti di **Rajah 3.4**.




**Rajah 3.3 : Jenis Pemberitahuan Bertulis (SKPU) Mengikut Jenis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2015**



Gambar 3(j) : Alat Kawalan Pencemaran Udara *Scrubber*



Gambar 3(k) : Alat Kawalan Pencemaran Udara *Dust Collector* di premis sementara loji pembancuh konkrit



Rajah 3.4 : Jenis Pemberitahuan Bertulis (APB) Mengikut Jenis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2015



**Gambar 3(l) : Janakuasa di tapak pembinaan**

## **PENGAWASAN**

### **Status Kualiti Alam Sekeliling**

JAS WPKL menjalankan kerja-kerja pengawasan bagi status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenal pasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling. Data-data dan input-input yang diperolehi ini disalurkan kepada Bahagian Operasi bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling.

Pengawasan kualiti alam sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu pengawasan kualiti air sungai, pengawasan kualiti air tanah dan pengawasan kualiti udara.

### **Kualiti Air Sungai**

Pada tahun 2015, terdapat 21 stesen pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 13 batang sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Bunos, Sungai Jinjang, Sungai Kerayong, Sungai Batu, Sungai Keroh, Sungai Toba, Sungai Untut, Sungai Belongkong, Sungai Air Busuk, Sungai Anak Air Batu dan Sungai Penchala sepertimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.0** dan **Rajah 3.5**. Secara keseluruhannya, Indeks Kualiti Air (IKA) bagi tahun 2015 menunjukkan semua stesen pengawasan berada dalam Kelas III kecuali bagi stesen di Sungai Anak Air Batu (IK42) dan stesen di Sungai Penchala (IK50) yang berada dalam Kelas II (**Rajah 3.6**).




**Gambar 3 (m) : Peralatan-Peralatan Yang Digunakan Untuk Persampelan Dan Bacaan In-Situ Kualiti Air Sungai**

**Jadual 3.0 : Stesen- Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Di Lembah**


STESEN	SUNGAI	LOKASI
1K06	Klang	Jambatan di Petaling Bahagia
1K41	Kerayong	SK Seri Setia Taman Desa
1K25	Klang	Jambatan Mid Valley dengan Flat Abd. Hukum
1K42	Anak Air Batu	Masjid Universiti Malaya
1K07	Klang	Jambatan dekat Bangunan Sultan Sulaiman
1K08	Klang	Jambatan Jalan Dang Wangi
1K27	Bunos	Persimpangan Jln. Raja Abdullah dengan Jln. Raja Bot
1K47	Kerayong	Jalan Kuari Cheras
1K37	Bunos	Sek. Men. Teknik Setapak
1K50	Penchala	Taman Lembah Kiara (TTDI)
1K38	Jinjang	Berdekatan Brem Mall, Kg. Delima, Kepong
1K22	Jinjang	Sek. Keb. Batu
1K31	Toba	Segambut Dalam
1K19	Batu	Jambatan JPS Kg. Kasipillay
1K21	Keroh	Pusat Servis Datsun
1K32	Untut	Kuarters Polis Sentul
1K17	Gombak	Jambatan di Perhentian Tun Razak
1K33	Bunos	Pulapol Jln. Semarak
1K18	Gombak	Kg. Bandar Dalam, Padang Balang
1K35	Air Busuk	Wisma Felda Ecovest, Kg. Puah Sentul
1K34	Belongkong	<u>Pasar Besar Gombak</u>



**Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015**



Rajah 3.5 : Peta Lokasi Stesen-Stesen Kualiti Air Sungai Bagi Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2015





**Rajah 3.6 :Tren Indeks Kualiti Air (IKA) Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015**

**Rajah 3.7** sehingga **Rajah 3.9** menunjukkan klasifikasi kualiti sungai mengikut Sub-Indeks bagi tiga (3) parameter iaitu Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Ammoniakal Nitrogen ( $NH_3-N$ ) dan Pepejal Terampai (SS).


Berdasarkan sub-indeks BOD di dalam **Rajah 3.7** menunjukkan, semua sungai di bawah kategori tercemar. Kemerosotan kualiti air yang disebabkan indeks bagi parameter BOD adalah antaranya berpunca daripada industri pembuatan dan kumbahan.

Petunjuk sub-indeks Ammoniakal Nitrogen ( $NH_3-N$ ) seperti di dalam **Rajah 3.8** menunjukkan semua sungai tercemar kecuali Sungai Penchala (IK50) disebabkan antara punca utama adalah dari sisa kumbahan. Sub-indeks Pepejal Terampai (SS) menunjukkan semua sungai berada di tahap bersih kecuali Sungai Klang (IK06) berada di tahap sederhana tercemar (**Rajah 3.9**). Antara penyumbang kepada kemerosotan kualiti air bagi parameter Sub-indeks Pepejal Terampai (SS) adalah dari aktiviti kerja-kerja tanah.

**Rajah 3.7 : Sub-Indeks Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) mengikut Stesen Pengawasan Kuala Lumpur, 2015**



**Rajah 3.8 : Sub-Indeks Ammoniakal Nitrogen (NH<sub>3</sub>-N) mengikut Stesen Pengawasan Kuala Lumpur, 2015**



**Rajah 3.9 : Sub Indeks Pepejal Terampai (SS) mengikut Stesen Pengawasan Kuala Lumpur , 2015**

### Kualiti Air Tanah

Pada tahun 2015, kerja-kerja pemantauan kualiti air tanah telah dijalankan sepenuhnya oleh JAS WPKL bagi kesemua enam (6) telaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedudukan dan bilangan telaga adalah seperti **Jadual 3.1**. Persampelan dilakukan sebanyak empat (4) kali iaitu bagi setiap suku tahun untuk kesemua enam (6) lokasi telaga tersebut.

Parameter-parameter yang dianalisa adalah logam berat, bahan kimia organik meruap (VOCs), jumlah keliatan (CaCO<sub>3</sub>), jumlah pepejal terampai (TDS), sebatian berfenol (*phenolic compound*), racun makhluk perosak (*pesticide*), koliform dan juga termasuk semua parameter seperti di dalam Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (*Revised December 2000*) seperti ditunjukkan di **Jadual 3.2**. Bacaan in-situ iaitu pH, suhu, konduktiviti, kekeruhan dan oksigen terlarut juga diambil.


Hasil pemantauan menunjukkan beberapa parameter telah dikesan melebihi had yang boleh diterima untuk kualiti air mentah di bawah Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (*Revised December 2000*) seperti ditunjukkan di **Jadual 3.2**.

Secara keseluruhan telaga-telaga yang dipantau, didapati parameter-parameter yang melebihi nilai yang boleh diterima mengikut Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan adalah Nitrat, Manganam, Arsenik, Fenol, Besi, Plumbum dan Total Coliform seperti di **Rajah 3.10**. Rajah 3.10 menunjukkan peratusan parameter yang melepasi nilai yang boleh diterima mengikut garis panduan iaitu menunjukkan jumlah peratusan lokasi persampelan yang melebihi standard bagi empat (4) persampelan yang dilakukan untuk setiap telaga. Didapati parameter Fenol dan Total Coliform 100 peratus melebihi standard iaitu menunjukkan daripada empat (4) persampelan setiap tahun bagi setiap telaga yang dilakukan kesemua persampelan mencatatkan data melebihi dari had seperti dalam garis panduan tersebut.

**Jadual 3.1 : Lokasi Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah Di Lembah Klang / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015**

Bil	Lokasi Telaga	No.Rujukan Station	Bilangan Telaga
1	Tapak Pelupusan Sampah (Taman Beringin)	Mw(7)-S13-1-7.26m (A) Mw(7)-S13-1-6.10m (B)	2
2	Bekas Tapak Pelepasan Sampah (Sungai Besi)	Mw(7)-S11-1-5.50m (A) Mw(7)-S11-1-5.54m (B) Mw(7)-S11-1-5.57m (C)	3
3	Royal Golf Selangor Club (Jalan Tun Razak) dalam penyelenggaraan	Mw(7)-S12-1-5.37m (C)	1

**STESEN AIR BAWAH TANAH DI PARLIMEN BATU KUALA LUMPUR  
MW(7)S13-1-7.26 DAN MW(7)S13-1-6.10**



**STESEN AIR BAWAH TANAH DI PARLIMEN SEPUTEH HIGHWAY MEX KUALA LUMPUR  
MW(7)S11-1-5.50 A ,MW(7)S11-1-5.57 B DAN  
MW(7)S11-1-5.57 C**






**Jadual 3.2 : Nilai Yang Boleh Diterima Untuk Kualiti Air Mentah Malaysia (Garis panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan)**

Bil.	Parameter	Nilai Boleh Terima
1	Koliform	Tidak boleh dikesan bagi sampel 100ml
2	Sulfat	250 mg/l
3	Klorida	250 mg/l
4	Keliatan (CaCO <sub>3</sub> )	500 mg/l
5	Sebatian Berfenol	0.002 mg/l
6	Nitrat	10 mg/l
7	Jumlah Pepejal Terlarut	1000 mg/l
8	Besi (Fe)	0.3 mg/l
9	Manganam (Mn)	0.1 mg/l
10	Kuprum	1.0 mg/l
11	Kromium (Cr)	0.05 mg/l
12	Plumbum (Pb)	0.01 mg/l
13	Zink (Zn)	3.0 mg/l
14	Kadmium (Cd)	0.003 mg/l
15	Arsenik (As)	0.01 mg/l
16	Raksa (Hg)	0.001 mg/l
17	Selenium (Se)	0.01 mg/l

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia



Rajah 3.10 : Kualiti Air Tanah (Peratusan Parameter Yang Melempi Nilai Yang Boleh Terima) Bagi Telaga Air Tanah Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015

### Kualiti Udara


Program pengawasan kualiti udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan oleh pihak Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) sejak Ogos 1995.

Tiga (3) buah stesen pengawasan udara automatik yang beroperasi secara automatik 24 jam telah ditempatkan di Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras dan Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur dan di Sekolah Menengah Presint 8, Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk pemantauan kualiti udara dan Indeks Pencemaran Udara (IPU)/*Air Pollution Indeks (API)* di Kuala Lumpur (**Jadual 3.3**). Pada tahun 2015, status kualiti udara (IPU) didapati berada pada tahap baik, sederhana dan hanya beberapa hari mencatatkan bacaan tidak sihat bagi tiga (3) stesen pengawasan yang dipantau seperti di **Rajah 3.11**.

**Jadual 3.3 : JAS WPKL : Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Udara Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015**

Bil.	Stesen	Jenis
1.	Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras	Sistem Udara Automatik
2.	Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur	Sistem Udara Automatik
3.	Sekolah Menengah Presint 8 , Wilayah Persekutuan Putrajaya	Sistem Udara Automatik





**Rajah 3.11 : Bilangan Hari Status Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2015**


**Petunjuk:**

Nilai Indeks Pencemaran Udara (IPU )	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
>300	Berbahaya

## Geographical Information System (GIS)



Aplikasi GIS dalam bentuk Portal GIS JAS seperti di **Rajah 3.12** telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di JAS WPKL bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan.



**Rajah 3.12: Portal GIS JAS**

Aplikasi ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini dapat membantu pegawai JAS dalam memproses permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT), Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan permis dan pengawasan alam sekitar.


Bagi tujuan pemantapan penggunaan GIS, beberapa siri bengkel dan kursus telah diadakan sepanjang tahun ini selaras dengan sasaran Ibupejabat JAS yang ingin menerapkan budaya penggunaan aplikasi GIS dalam penggunaan tugas atau kerja yang dijalankan. Pada tahun 2015, dua (2) bengkel penggunaan Portal GIS telah diadakan di JAS WPKL (**Jadual 3.5**).

**Rajah 3.13** menunjukkan peratusan penggunaan aplikasi GIS mengikut unit dan tujuan aplikasi tersebut digunapakai. Data tersebut diperolehi dari soal selidik yang dijalankan pada akhir bengkel verifikasi data GIS 2015 pada 26-27 Oktober 2015 di JAS WPKL. Tujuan soal selidik adalah untuk mengetahui status penggunaan dan seterusnya untuk penambahbaikan aplikasi, latihan serta perkakasan untuk membantu membudayakan penggunaan GIS di JAS WPKL.

**Jadual 3.5: Aktiviti-Aktiviti GIS JAS WPKL**

BIL	SENARAI KURSUS GIS DI JASWPKL	TARIKH
1	HANDS-ON APLIKASI MOBILE GIS	9 APRIL 2015 (BILIK MESYUARAT JASWPKL)
2	BENGGEL VARIFIKASI DATA GIS	26-27 OKTOBER 2015 (BILIK MESYUARAT JASWPKL)

**Rajah 3.13: Peratusan Penggunaan Aplikasi GIS Mengikut Unit Dan Tujuan Penggunaan Aplikasi-Aplikasi**



**Penggunaan Aplikasi-Aplikasi**

## Program *River of Life* (ROL)

*River of Life* (ROL) didefinisikan sebagai 'Sungai Nadi Kehidupan' merupakan projek Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (KL/KV) di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi Program Transformasi Ekonomi (ETP). Transformasi ini dibahagikan kepada tiga (3) komponen iaitu komponen pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan koridor sungai. Tujuan projek ROL adalah untuk mentransformasikan Sungai Klang menjadi sebuah sungai ikon di Bandaraya Kuala Lumpur yang berdaya maju dan membangun pesat, di samping kawasan tepian sungai yang memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada Negara dengan meningkatkan kualiti air sungai bersih mencapai ke tahap Kelas IIB di Sungai Klang.

Di bawah projek ROL, JAS WPKL terlibat bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Inisiatif 11 (PTI 11) iaitu Mempromosi, Menguatkuasa dan Menguruskan Kebersihan Sungai dan Kesihatan Industri yang Menghasilkan Air Sisa/Efluen (*Promote, Enforce and Manage River Cleanliness and Health-Industries that Generate Wastewater/Effluent*). Di bawah PTI 11 ini pemantauan dan peningkatan penguatkuasaan ke atas premis-premis berefluen, loji-loji rawatan sisa kumbahan, projek yang tertakluk dalam *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang melibatkan kerja tanah dan aduan atau isu berkaitan projek ROL telah dan sedang dilaksanakan. Data-data penguatkuasaan Industri /aktiviti yang penyumbang kepada pencemaran di kawasan program '*River of Life*' diselaraskan dan dianalisa untuk menyediakan input bagi Mesyuarat Pasukan Petugas (*Task Force*) Projek '*River of Life*' dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia setiap bulan.

## Pengurusan Aset dan Stor Teknikal Sistem Pengurusan Aset



Pengurusan aset dan stor teknikal adalah elemen penting sebagai persediaan dari segi peralatan dan kemudahan untuk penguatkuasaan pegawai-pegawai JAS WPKL dan perlu diuruskan dengan baik. Bagi tujuan pengurusan aset jabatan iaitu termasuk aset di stor teknikal satu sistem pengurusan iaitu Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) disediakan. SPA digunakan untuk menguruskan kawalan status peralatan aset di stor teknikal. Sistem ini dapat memantau aset-aset dan stok di JAS daripada kerosakan, kehilangan dan pergerakan harta modal. Sistem ini lebih sistematik bagi penyediaan pelaporan tahunan.

Aplikasi SPA dibangunkan mengikut kaedah kawalan pengurusan aset dan stor yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia iaitu mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Perbendaharaan Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 Tatacara Pengurusan Stor. SPA dibangunkan untuk tujuan kawalan dan pemantauan aset bagi semua Kementerian dan Jabatan di Malaysia. Oleh itu, kesemua aset di JAS WPKL direkodkan dan dikawal dengan penggunaan sistem tersebut.

**Jadual 3.6** di bawah menunjukkan nilai aset harta modal dan inventori bagi peralatan teknikal JAS WPKL pada tahun 2015 yang telah direkodkan dalam sistem SPA. Di samping itu, bagi memastikan aset iaitu yang melibatkan harta modal seperti peralatan teknikal dapat digunakan dengan baik ianya perlu diselenggara secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan. Peralatan teknikal yang diselenggara untuk tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Sepanjang tahun 2015, beberapa kursus turut dihadiri oleh pegawai-pegawai JAS WPKL mengenai peralatan teknikal (**Jadual 3.8**). Tujuan kursus diadakan adalah sebagai pendedahan kepada pegawai-pegawai JAS WPKL yang perlu menggunakan peralatan tersebut untuk tugas penguatkuasaan. Peralatan teknikal sentiasa dikemaskini keperluan dan diterima aset peralatan baru untuk tujuan penguatkuasaan. **Jadual 3.9** menyenaraikan beberapa peralatan teknikal yang telah diterima pada tahun 2015 dan telah dikemaskini di dalam sistem SPA.

**Jadual 3.6 : Nilai Keseluruhan Aset Harta Modal dan Inventori**

Suku tahun pertama	Suku tahun kedua	Suku tahun ketiga	Suku tahun Keempat
Bil harta modal = 106	Bil harta modal = 106	Bil harta modal = 106	Bil harta modal = 107
Bil inventori = 17	Bil inventori = 17	Bil inventori = 17	Bil inventori = 18
RM 1,316,192.65	RM 1,316,192.65	RM 1,316,192.65	RM 1,325,192.65

**Jadual 3.7 : Peralatan-Peralatan Yang Diselenggara Dan Kalibrasi**

Bil	Nama Aset
1	ALAT CO/HC GAS ANALYZER QRO – 202 (S/N 2Q7F0121)
2	ALAT CO/HC GAS ANALYZER QRO – 202 (S/N 2Q7F0129)
3	PREASION INTEGRATING SOUND LEVEL METER LA-5560/ONO SOKKI (S/N 94700128)
4	CALIBRATOR SC – 3100/ONO SOKKI (S/N 94900243)
5	SMOKE METER OPA 840 (S/N 8121055683)
6	SMOKE METER OPA 840 (S/N 8121055688)
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	
	<b>2,560.00</b>

**Jadual 3.8 : Senarai Kursus Peralatan Teknikal pada tahun 2015**

Bil	Kursus Peralatan Teknikal	Tempat
1	Kursus hand-on GIS ( <i>Rugged mobile</i> )	Eimas, UKM Bangi
2	Kurus pengurusan Aset Alih dan Tak Alih Kerajaan	Jabatan Alam Sekitar Selangor
3	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan	JAS WPKL
4	Kursus kompetensi “REFRIGERANT IDENTIFIER”	Unit Udara Jabatan Alam Sekitar Ibu pejabat

\*EiMAS: Institut Alam Sekitar Malaysia

**Jadual 3.9 : Senarai Aset Teknikal Diterima Tahun 2015**


Bil	Nama Aset	Tarikh perolehan	No. Siri Pendaftaran
1	REFRIGERANT IDENTIFIER	22/10/2015	NRE/JAS(KL)/H/15/10
2	BELANTAN	15/05/2015	NRE/JAS(KL)/R/15/13

## UNIT PEMBANGUNAN 2

### Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar

JAS WPKL telah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar untuk menyampaikan maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar dengan tujuan meningkatkan kesedaran pelajar sekolah dan orang awam mengenai kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Aktiviti-aktiviti kesedaran yang telah dilaksanakan ialah ceramah, pameran dan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), Program Rakan Alam Sekitar (RAS) serta Program Kesedaran Bersama Sekolah, Institut Pengajian Tinggi, Industri Dan Umum. (**Rajah 3.14**).

Selain dari program-program kesedaran, Jabatan juga telah menerima pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) seperti UiTM Shah Alam, Universiti Kuala Lumpur dan UTM Arau, Perlis bagi menjalankan latihan industri. Pada tahun 2015, sebanyak tujuh (7) orang pelajar telah diterima untuk melakukan latihan industri di JAS WPKL dari jurusan berkaitan alam sekitar dan kejuruteraan. Mereka ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan ini di bawah penyeliaan ketua unit masing-masing. Mereka didedahkan kepada pengurusan alam sekitar yang meliputi penguatkuasaan, pendidikan, pengawasan dan penilaian kualiti alam sekitar.



**Rajah 3.14 : Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2015**

## Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi penganjuran sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2015 dengan tema “Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari”. JAS WPKL telah bekerjasama dengan Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Putrajaya bagi menjayakan pelancaran sambutan MASM Peringkat Kebangsaan 2015 tersebut.

Sambutan MASM Peringkat Kebangsaan 2015 telah diadakan pada 17 Oktober 2015 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beberapa aktiviti seperti **Jadual 3.10** yang melibatkan semua lapisan masyarakat telah diatur bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

**Jadual 3.10 : Aktiviti-Aktiviti Sempena Sambutan MASM 2015 Peringkat Kebangsaan Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Bil	Aktiviti
1	Program Cinta Alam
2	Aktiviti Promosi Pengumpulan Bahan Buangan Barangan Elektrik dan Elektronik ( <i>e-Waste</i> )
3	Kuiz Alam Sekitar
4	Pemeriksaan Kesihatan
5	Pameran Peranan Pemilik dan Penjagaan Kucing Kesayangan
6	Pertandingan <i>'Face Painting'</i>
7	Pertandingan Pakaian Beragam - <i>'Waste Is A Maze'</i>
8	Pameran Taman Mini, Taman Floria, Lukisan Mural
9	Pertandingan <i>'Enviro-Doodle: Doodle Dash for the Environment'</i>
10	Karaoke Alam Sekitar
11	Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
12	Pameran Interaktif
13	Demonstrasi Pengkomposan Baja
14	Demonstrasi Seni Batik
15	Jualan

## Program Rakan Alam Sekitar (RAS)

Beberapa program RAS telah diadakan seperti **Jadual 3.11**. Program-program yang diadakan merupakan salah satu usaha JAS untuk menyebarkan maklumat dan mempunyai matlamat yang murni untuk mendapatkan kerjasama serta penglibatan masyarakat demi menjaga dan melindungi alam sekitar khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini.

Matlamat utama RAS ialah menjadikan orang ramai sebagai mata dan telinga Jabatan dalam membanteras masalah alam sekitar berkonsepkan “*community base*” dan “*hands on*”. Di samping itu juga memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya menjaga alam sekitar ini tidak kira agama, bangsa dan keturunan, tua atau muda mahupun lelaki atau perempuan.

**Jadual 3.11 : Program RAS Sepanjang Tahun 2015**

Bil	Tarikh & Tempat	Program	Aktiviti
1	10-12 Mei 2015 Pulau Redang, Terengganu	KeKAS sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat WPKL	Peserta program ini diwakili oleh tiga (3) orang pensyarah dan 30 orang pelajar dari Institut Perguruan Antarabangsa Kuala Lumpur.
2	31 Mei – 4 Jun 2015 Taman Laut Pulau Tinggi, Johor	KeKAS	Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Taman Laut Johor. Program tersebut melibatkan sebuah sekolah iaitu SMK Dato Ibrahim Yaacob dan diwakili 20 orang guru serta 60 orang pelajar.
3	14 Jun 2015 Taman Herba LA21, Sg Midah	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	Program ini telah diadakan di Taman Herba di bawah Program ‘Local Agenda 21 KL’.
4	6 Julai – 3 Ogos 2015 Institut Perguruan Antarabangsa Kuala Lumpur	Sambutan Hari Bumi	Program ini telah diadakan di Institut Perguruan Antarabangsa Kuala Lumpur.

5	1-3 November 2015 Pulau Pangkor, Perak	KeKAS	<p>Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program tersebut melibatkan empat (4) buah sekolah iaitu SMK Dato Ibrahim Yaacob, SMK Batu Muda, SMK Danau Kota, SMK Raja Abdullah dan satu (1) Institut Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Institut Perguruan Antarabangsa Kuala Lumpur.</p> <p>Penglibatan peserta adalah seramai 25 orang pelajar sekolah, 20 orang pelajar IPT, tujuh (7) orang guru dan dua (2) orang pensyarah.</p>
6	1 – 3 November 2015 SMK Dato' Ibrahim Yaacob	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	<p>Program Sambutan Hari Bumi adalah program dengan kerjasama SMK Dato' Ibrahim Yaacob, SMK Danau Kota, SMK Raja Abdulah, SMK Raja Ali dan Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini dihadiri oleh 50 orang pelajar.</p>

## Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)

### Latar belakang

Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) merupakan pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menangani masalah aduan pencemaran terutama aduan berulang secara kolektif dan efektif mengikut kawasan Parlimen. Ahli 3P terdiri daripada ahli RAS dan masyarakat berperanan membuat laporan pencemaran alam sekitar di kawasan masing-masing secara berterusan kepada pegawai JAS.

Pasukan 3P di JAS WPKL dianggotai ahli seramai 19 orang daripada tiga (3) kawasan Parlimen iaitu Setiawangsa seramai 15 orang, Titiwangsa seramai satu (1) orang dan Lembah Pantai seramai tiga (3) orang. Sepanjang 2015, beberapa laporan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan melalui pasukan 3P iaitu aduan bunyi bising dari perlumbaan motosikal haram di Titiwangsa dan isu paras air sungai

yang meningkat di Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa (IPBA). Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2015 bagi ahli 3P ialah program latihan dan taklimat bagi kawasan Setiawangsa pada 17 September 2015.

## Pembangunan Sumber Manusia

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 24 program latihan telah dihadiri oleh kakitangan JAS WPKL. Jumlah ini adalah merangkumi kursus, bengkel, seminar dan taklimat. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan JAS WPKL.

Selain program latihan, JAS WPKL juga menganjurkan sejumlah 16 sesi kolokium di dalam dan di luar Jabatan yang berbentuk ceramah, taklimat dan latihan teknikal kepada semua pegawai. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai JAS WPKL yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu.

## GALERI AKTIVITI & PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR DI JAS WPKL SEPANJANG TAHUN 2015

Program : Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) Di Pulau Redang, Terengganu



**Program : Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) Di Taman Laut Pulau Tinggi, Johor**



## Program : Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Herba di bawah Program 'Local Agenda 21 KL'



## PROGRAM PENGUATKUASAAN DI TAPAK PEMBINAAN BUKAN EIA

### Pengurusan Buangan Terjadual Dalam Industri Pembinaan

JAS WPKL sedang giat memastikan Pengurusan Buangan Terjadual di tapak pembinaan diuruskan sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pengeluar buangan terjadual di tapak pembinaan dikehendaki mengemukakan Pelan Pengurusan Buangan Terjadual bagi pengendalian sisa buangan terjadual yang terhasil bagi kerja-kerja pembinaan.

Mulai tahun 2015, JAS WPKL telah mula menguatkuasakan kepada semua pengeluar buangan terjadual di tapak pembinaan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk menggunakan pengisian maklumat pergerakan buangan terjadual secara terus di talian (*online*) iaitu *Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)*. Melalui sistem aplikasi ini, pelaporan pengendalian dan pengurusan buangan terjadual di tapak pembinaan menjadi lebih mudah berbanding dengan menggunakan kaedah manual sebelum ini.

Program penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005 di tapak pembinaan bagi tahun 2015 telah dijalankan dengan memberi tumpuan kepada pemantauan Pelan Pengurusan Buangan Terjadual yang dikemukakan oleh penggerak projek, melaksanakan program kesedaran pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pihak syarikat, pemaju dan kontraktor serta menyelaras pengaktifan akaun pengeluar buangan di dalam sistem eSWIS.

Sepanjang tahun 2015 juga, sebanyak lima (5) permohonan penstoran buangan terjadual melebihi 20 metrik tan atau 180 hari bagi projek pembinaan bukan EIA telah diterima. Permohonan disemak secara *case by case* dan lawatan siasatan susulan bagi permohonan tersebut telah dijalankan sebelum kelulusan bersyarat dikeluarkan.

### **Gambar 3 (n) : Lawatan Penguatkuasaan Di Tapak Pembinaan Bukan EIA 2015**



**Tapak pembinaan**



**Bekas/tong cat tidak di simpan ditempat yang tertutup (SW 409)**



**Janakuasa tunggu sedia (jenis kanopi)**



*Skid tank*

**Gambar 3 (o) : Lawatan Penguatkuasaan Permohonan Penstoran Buangan Terjadual Melebihi 20 Metrik Tan Atau 180 Hari Bagi Projek Pembinaan Bukan EIA 2015**



**Stor Buangan Terjadual yang mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual)**



**Tanah tercemar minyak (SW 408)**



**Sarung tangan dan kain tercemar minyak (SW 41)**

**Minyak hitam terpakai (SW 305)**



JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
TINGKAT 1-2, WSMA SCA, NO. 3, JALAN SUNGAI BESI  
57100 KUALA LUMPUR  
TEL : 03-9221 5543